

**KONSEP ASAS DAN PEMBAHAGIAN ILMU  
MENURUT MANUSKRIP MELAYU: SUATU  
PENELITIAN TERHADAP MSS 2906 (B) *TIBYĀN  
AL-MARĀM***

THE BASIC CONCEPT AND CLASSIFICATION OF  
KNOWLEDGE ACCORDING TO MALAY MANUSCRIPT:  
A STUDY ON MSS 2906 (B) *TIBYĀN AL-MARĀM*

***Mohd Anuar Mamat\*, Che' Razi Jusoh\*\****

\*Faculty of Quranic and Sunnah Studies. Universiti Sains Islam Malaysia. 71800. Nilai. Negeri Sembilan. Malaysia.

\*\*Department of Fundamental and Inter Disciplinary Studies. Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences. International Islamic University Malaysia. 50728. Kuala Lumpur. Malaysia.

Email: \*anuarmamat@usim.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/afkar.sp2020no2.1>

**Abstract**

The article discusses on issues regarding the basic concept of knowledge and its classification according to Malay manuscript, which is MSS 2906 (B) *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah*. According to codicological analysis, the manuscript is originated from Aceh and it was written at the end of 18<sup>th</sup> century or early 19<sup>th</sup> century. The manuscript is in the collection of National Center of Malay Manuscript, National Library of Malaysia. It was translated from Arabic entitled *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-'Ilm li man Ṭalabah* written by Saḍīd al-Dīn Muḥammad al-Kāshgharī (d.705H/1305M) into Malay language with Jawi alphabet. Based on content analysis method, there are two important aspects which are the focus of this article. Firstly, the basic concept of knowledge while the second aspect is regarding the classification of knowledge as well as its preference in education. The discussion on these two aspects is important in order to understand the concept of

knowledge according to the Malay manuscript in Islamic education, especially based on *Tibyān al-Marām*, which is the only extensive manuscript on knowledge and education. By understanding the concept and the classification of knowledge, it will give a proper direction for the transformation of education and the efforts on integration of knowledge particularly at the higher level of education.

**Keywords:** Concept of knowledge; classification of knowledge; Islamic education; *Tibyān al-Marām*; manuscript studies.

### **Khulasah**

Makalah ini membincangkan persoalan konsep asas ilmu dan pembahagiannya menurut manuskrip Melayu, iaitu naskhah MSS 2906 (B) kitab *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah*. Berdasarkan analisis kodikologi, manuskrip ini berasal daripada Aceh dan ditulis antara akhir abad ke-18 atau awal abad ke-19. Manuskrip ini berada dalam koleksi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia. Ia merupakan sebuah karya terjemahan berserta komentar ringkas ke dalam bahasa Melayu aksara Jawi daripada karya berbahasa Arab bertajuk *Ṭalibah al-Ṭalabah fī Ṭarīq al-ʿIlm li man Ṭalabah* tulisan Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kāshgharī (m.705H/1305M). Dengan mengaplikasi metode analisis kandungan, terdapat dua aspek penting yang menjadi fokus utama penulisan makalah ini. Pertama, mengenai konsep asas dan hakikat ilmu, manakala aspek kedua ialah berkaitan pembahagian ilmu serta pemilihannya. Perbincangan tentang kedua-dua aspek ini amat penting dalam memahami konsep ilmu menurut karya tradisional pendidikan Islam masyarakat Melayu, khususnya berdasarkan kitab *Tibyān al-Marām* yang merupakan satu-satunya manuskrip yang ekstensif berkaitan ilmu dan pendidikan. Dengan memahami konsep dan hakikat sebenar ilmu serta pembahagiannya, hal ini akan memberi panduan yang tepat kepada usaha

transformasi pendidikan dan usaha-usaha integrasi ilmu khususnya pada peringkat pengajian tinggi.

**Kata kunci:** Konsep ilmu; klasifikasi ilmu; pendidikan Islam; *Tibyān al-Marām*; kajian manuskrip.

## Pendahuluan

Ilmu merupakan sesuatu yang amat bernilai kepada manusia, masyarakat dan negara. Dengan ilmu lahirlah individu yang sempurna, masyarakat yang sejahtera dan negara yang maju. Aspek ini menjadi perhatian serius para sarjana Islam sepanjang zaman, termasuk juga para sarjana Alam Melayu sehingga lahirnya budaya ilmu yang dirasai oleh segenap peringkat masyarakat.<sup>1</sup>

Para sarjana Alam Melayu bukan sahaja menggalakkan pengajaran dan pembelajaran ilmu pengetahuan, malah mereka turut menghasilkan pelbagai karya yang membuktikan keintelektualan dan keserjanaan masyarakat Melayu.<sup>2</sup> Karya mereka merangkumi pelbagai bidang keilmuan, daripada sastera sehinggalah kitab agama dan juga pendidikan.

Antara persoalan penting yang disentuh dalam karya-karya Melayu adalah mengenai persoalan epistemologi ilmu. Hal ini dapat diperhatikan dalam karya terawal yang dihasilkan oleh sarjana Melayu pada abad ke-16M iaitu terjemahan kitab *'Aqā'id* karya al-Nasafī yang membincangkan tentang hakikat, sumber serta saluran

---

<sup>1</sup> Lihat, Mohd Anuar Mamat, "Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal di Perpustakaan Negara Malaysia", *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 15 (2017), 66-88; Wan Mohd Nor Wan Daud, *Budaya Ilmu: Makna dan Manifestasi dalam Sejarah dan Masa Kini* (Kuala Lumpur: CASIS, 2019).

<sup>2</sup> Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Ab. Rahman Kaeh dan Jamilah Ahmad, *Traditional Malay Literature* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002); Siti Hawa Salleh, *Malay Literature of the 19th Century*, terj. Quest Service (Kuala Lumpur: ITNM, 2010).

ilmu.<sup>3</sup> Pada Abad ke-17M hingga abad ke-20M juga, persoalan epistemologi ilmu ini turut dibincangkan dengan perbincangan yang lebih mendalam oleh para sarjana Melayu, antaranya seperti Nūr al-Dīn al-Rānirī (m.1068H/1658M) dalam karyanya *Durr al-Farā'id*,<sup>4</sup> Zayn al-'Ābidīn al-Faṭānī (m.1331H/1913M) atau dikenali sebagai Tuan Minal dalam karyanya *'Aqīdah al-Nājin*<sup>5</sup> dan sebagainya.

Justeru, makalah ini mengemukakan dan memperkenalkan salah satu khazanah intelektual masyarakat Melayu berkaitan epistemologi dan pendidikan Islam, iaitu manuskrip MSS 2906 (B) kitab *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah*. Kitab ini amat unik untuk dikaji disebabkan keaslian dan keistimewaannya di samping ia belum pernah diketengahkan oleh mana-mana pengkaji manuskrip Melayu. Ia merupakan sebuah karya yang membincangkan persoalan epistemologi pada akhir abad ke-18M dan awal abad ke-19M.

Dua persoalan utama akan dianalisis dalam karya ini. Pertama, konsep asas dan hakikat ilmu dan kedua, pembahagian dan pemilihan ilmu. Perbincangan tentang kedua-dua aspek ini amat penting dalam memahami konsep ilmu menurut sumbernya yang berwibawa, iaitu karya tradisional pendidikan Islam masyarakat Melayu yang tidak banyak didedahkan lagi oleh pengkaji

---

<sup>3</sup> Lihat, Syed Muhammad Naquib al-Attas, *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16<sup>th</sup> Century Malay Translation of the 'Aqā'id of al-Nasafī* (Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1988).

<sup>4</sup> Lihat, Wan Mohd Nor Wan Daud dan Khalif Muammar, "Kerangka Komprehensif Pemikiran Melayu Abad Ke-17 Masihi Berdasarkan Manuskrip *Durr al-Farā'id* Karangan Sheikh Nurudin al-Raniri", *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 27(2) (2016), 119-146.

<sup>5</sup> Lihat, Zayn al-'Ābidīn al-Faṭānī, *Aqīdah al-Nājin* (Thailand: Matba'ah Bin Halabi, t.t.); Wan Suhaimi Wan Abdullah, "Beberapa Aspek Epistemologi al-Shaykh Zayn al-'Abidin B. Muhammad al-Fatani: Suatu Penelitian Awal Terhadap Karyanya *Aqīdah al-Nājin fi 'Ilm Uṣūl al-Dīn*", *Jurnal AFKAR* 2(1) (2001), 107-122.

pendidikan dewasa ini.<sup>6</sup> Dengan memahami konsep dan hakikat sebenar ilmu serta pembahagiannya, hal ini akan memberi panduan yang tepat kepada para guru dan pelajar, juga merencana usaha transformasi pendidikan serta usaha-usaha integrasi ilmu khususnya pada peringkat pengajian tinggi.

### **Pengenalan dan Aspek Kodikologi Manuskrip *Tibyān al-Marām* MSS 2906 (B)**

Pada bahagian ini dikemukakan terlebih dahulu pengenalan ringkas dan beberapa aspek kodikologi kepada naskhah manuskrip yang dikaji dalam makalah ini. Kitab *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah* merupakan salah sebuah naskhah manuskrip genre sastera kitab yang membincangkan perihal ilmu, pendidikan, adab dan perkara yang berkaitan dengannya. Ia merupakan sebuah karya terjemahan yang disimpan dalam koleksi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), bersama-sama sekumpulan manuskrip yang diberi nombor panggilan MSS 2906.

Dari aspek fizikal, naskhah MSS 2906 ini terdiri daripada 20 kuras<sup>7</sup> berjajit namun tidak berkulit jilid

---

<sup>6</sup> Tidak banyak kajian pendidikan Alam Melayu berdasarkan manuskrip yang dikaji dan diterbitkan. Hanya kajian perihal ilmu dan adab dalam puisi Melayu serta pemikiran tokoh Alam Melayu abad ke-20 dan kontemporari sahaja yang ditemui. Lihat umpama, Zurakintan Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh, "Pemikiran Melayu tentang Ilmu dan Adab dalam Puisi Melayu Tradisional," *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)* 3(2) (2015), 121-129; Rosnani Hashim, *Reclaiming the Conversation: Islamic Intellectual Tradition in the Malay Archipelago* (Kuala Lumpur: The Other Press, 2010).

<sup>7</sup> Menurut Kamus Dewan, kuras bermaksud helaian kertas yang digunakan dalam percetakan buku dan dilipat-lipat serta dikerat menjadi beberapa muka. Dalam konteks manuskrip, kuras membawa maksud gabungan kertas yang dilipat bersama-sama serta dijahit atau digabungkan dengan kumpulan lipatan kertas yang lain. Lihat, Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Kuala Lumpur: DBP, 2010), 855.

dengan ketebalan 226+4 folio yang bersaiz 22.3 cm x 16.4 cm. Ia ditulis dengan menggunakan kertas laid Eropah yang berwarna putih kekuningan, berlubang-lubang kecil di kesemua halaman tanpa menjejaskan teks dan masih lagi dalam keadaan baik. Tera air yang terdapat pada kertas ini ialah tiga bulan sabit sederet dengan saiznya mengecil (*tre lune*) dengan tanda kecil (*countermark*) VG dan PG. Folio 1a agak kotor, lusuh dan berwarna kuning gelap disebabkan terdedah kepada asap, kotoran, air dan penggunaan yang kerap selain ketiadaan kulit jilid namun tulisannya masih jelas dan boleh dibaca. Bilangan baris setiap folio ialah antara 15 dan 16 baris dan tulisan adalah kemas dan konsisten.<sup>8</sup>

Secara umumnya, dakwat tulisan yang digunakan berwarna hitam dengan rubrikasi pada perkataan Melayu tertentu dan ayat berbahasa Arab. Tanda penyuaaran ayat bahasa Arab ada diberikan dan penggunaan kata penarik adalah konsisten dalam manuskrip ini. Tiada tanda kolasi yang dapat diperhatikan dalam manuskrip ini. Secara amnya, hampir kesemua jidar lembarannya tidak mempunyai glos dan catatan sampingan. Dari aspek kandungan pula, MSS2906 ini terdiri daripada tiga teks utama seperti berikut:

1. *Bab al-Adab* karangan Muntajib [ff.1r-6r]. Ia merupakan terjemahan antara baris nazam berbahasa Arab ke dalam bahasa Melayu mengenai adab menuntut ilmu. Karya ini lengkap dengan

---

<sup>8</sup> Sedikit maklumat lanjut berkaitan aspek kodikologi MSS 2906 telah dibincangkan dalam beberapa makalah sebelum ini. Lihat, M. Mustaqim Mohd Zarif & Mohd Anuar Mamat, "Bab al-Adab (MSS2906A): Analisis dan Transliterasi Beranotasi Sebuah Nazam Mengenai Adab Belajar", *Jurnal Filologi Melayu* 25 (2014), 132-152; Mohd Anuar Mamat & M. Mustaqim Mohd Zarif. "Keperluan Zikir dalam Pembelajaran Menurut Manuskrip Melayu: Kajian terhadap MSS2908(B) *Tibyān al-Marām*," *Jurnal Al-Tamaddun* 14(1) (2019), 37-51.

kolofon namun tidak dinyatakan penyalin, tarikh dan tempat penyalinannya.<sup>9</sup>

2. *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah* [ff.7v-93r]. Ia merupakan terjemahan dan ulasan teks *Ṭalibah al-Ṭalabah* karangan Muḥammad bin 'Alī al-Kāshgharī (m.705/1305). Secara umumnya, ia ditulis dengan dakwat berwarna coklat dan hitam dengan tulisan yang kemas, menarik dan konsisten. Pada permulaan manuskrip terdapat iluminasi gaya Aceh berbentuk kubah yang dihiasi corak bermotif daun dengan tulisan محمد رسول الله dan الله berwarna merah dan hitam. Manuskrip ini terdiri daripada 87 folio bermula 7v. hingga 93r.<sup>10</sup> dan setiap folio mempunyai dua bahagian (a – b). Setiap bahagian pula mengandungi lebih kurang 15 baris. Mengenai kandungan manuskrip ini, ia membincangkan perbincangan mengenai jalan-jalan ilmu dan bagaimana mengajarkan ilmu tersebut. Perbincangan ini dimuatkan dalam enam fasal termasuklah fasal mengenai hakikat ilmu, niat dalam menuntut ilmu, memilih ilmu dan perkara-perkara yang menambah dan mengurangkan rezeki. Karya inilah yang menjadi fokus penulisan dalam makalah ini.
3. *Nihāyah al-Tadrīb* [ff.95v-226r]. Teks ini menazamkan karya berjudul *Ghāyah al-Taqrīb fi al-Fiqh al-Shāfi'ī* karangan Abū Shujā' Aḥmad ibn al-Ḥusayn al-Ṣfahānī (m.592/1196); sebuah teks fikah yang masyhur dalam mazhab Syafie. Karya ini juga ditambahkan dengan kolofon namun tidak

---

<sup>9</sup> Lihat, M. Mustaqim & Mohd Anuar, *Bab al-Adab (MSS2906A)*, 156-152.

<sup>10</sup> v. merupakan simbol bagi verso, manakala r. merupakan simbol bagi rekto. Verso bermaksud halaman manuskrip yang di sebelah kiri, manakala rekto pula halaman manuskrip yang di sebelah kanan. Lihat, Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan*, 1306 & 1789.

dinyatakan penyalin, tarikh dan tempat penyalinannya.<sup>11</sup>

Selain itu, dalam kumpulan manuskrip ini terdapat beberapa fragmen catatan mengenai lafaz azan dan iqamat [ff.226v-227r] dan jadual kiraan permulaan bulan Ramadan [ff.227v-228r] manakala dua folio berikutnya dibiarkan kosong. Tidak dijumpai pula catatan yang boleh mengaitkan siapakah penulis atau penyalin kepada naskhah MSS 2906 ini. Justeru, tidak dapat dipastikan identiti pengarang dan penyalin kesemua teks yang terdapat dalam manuskrip ini. Melalui pengamatan stail dan gaya tulisan kesemua teks tersebut juga mengunjurkan bahawa ianya disalin oleh individu yang berbeza pada masa yang berbeza. Teks-teks tersebut kemudiannya dikumpulkan, disusun, dijahit dan dijilid dalam sebuah buku walaupun pada hari ini yang masih berbaki adalah jahitan jilidnya sahaja tanpa kulit.<sup>12</sup>

Berdasarkan analisis tera air dan tanda kecil kertas yang dijumpai pada teks *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah* pula, mengunjurkan bahawa ia disalin antara penghujung abad ke-18 atau awal abad ke-19 Masihi. Ini kerana, kertas *tre lune* dengan tulisan PG masih belum dapat dipastikan usianya. Namun menarik diperhatikan bahawa motif yang sama dengan tulisan PC pula dianggarkan penghasilannya bermula tahun 1785 dan berikutnya.<sup>13</sup>

---

<sup>11</sup> Perpustakaan Negara Malaysia, *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Tambahan Ketiga* (Kuala Lumpur: PNM, 2003), 25-26.

<sup>12</sup> Perbincangan yang agak terperinci mengenai kepengarangan MSS2906 ini merangkumi beberapa kemungkinan pengarangnya merupakan sarjana Aceh sekitar akhir abad ke-18 atau awal ke-19, boleh rujuk makalah penulis dalam jurnal *Filologi Melayu*. Lihat, M. Mustaqim & Mohd Anuar, *Bab al-Adab (MSS2906A)*, 136-137.

<sup>13</sup> Alessandro Gori, A. Regourd, J.R. Brown, & S. A Delamarter, *Handlist of the Manuscripts in the Institute of Ethiopian Studies*



Sebaliknya, penggunaan motif tersebut bersama dengan tulisan VG pada folio yang lain pula memberikan tempoh masa penghasilan kertas tersebut oleh syarikat Galvani di Itali antara 1760-an hingga tahun 1839.<sup>14</sup> Dengan mengambil kira tempoh pergerakan kertas dari kilang ke pengguna yang merentasi benua ketika itu dan tempoh penggunaan kertas tersebut yang memakan masa sekitar 15-20 tahun,<sup>15</sup> adalah wajar untuk menganggarkan tarikh penyalinannya seperti yang telah dinyatakan di atas.

Manuskrip *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah* ini asalnya merupakan sebuah terjemahan daripada karya berbahasa Arab karangan Imam Muḥammad bin Muḥammad bin 'Alī al-Kāshgharī (m.705H/1305M) yang bertajuk *Ṭalibah al-Ṭalabah*. Karya ini juga agak asing dan ia masih berstatus manuskrip serta belum lagi ditemui dalam penulisan para pengkaji pendidikan Islam kontemporari. Ia juga belum lagi dicetak walaupun para penulis biografi sarjana Islam seperti al-Ziriklī dan juga al-Babānī menyenaraikannya sebagai salah satu karya sah beliau.<sup>16</sup>

Di samping itu, agak menariknya, kitab ini juga mempunyai pengaruhnya yang tersendiri di mana ia telah dihuraikan oleh Muḥammad bin Ziyād al-Shar'abī

---

*Volume Two: The Arabic Materials of the Ethiopian Islamic Tradition* (Oregon: Pickwick Publications, 2014), liii.

<sup>14</sup> Michaëlle Biddle, "New Strategies in Using Watermarks to Date Sub-Saharan Islamic Manuscripts", dalam *The Arts and Crafts of Literacy: Islamic Manuscript Cultures in Sub-Saharan*, ed. Andrea Brigaglia & Mauro Nobili (Berlin: de Gruyter, 2017), 27-68.

<sup>15</sup> Francois Deroche, et.al. *Islamic Codicology: An Introduction to the Study of Manuscripts in Arabic Script* (London: Al-Furqan Islamic Heritage Foundation, 2006), 57-61; Wan Ali Wan Mamat, *Pemuliharaan Buku dan Manuskrip* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988), 11-13.

<sup>16</sup> Khayr al-Dīn al-Ziriklī, *al-A'lam*, cet. ke-14 (Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, 1999), 7:32; Ismā'īl Bāshā al-Baghdādī, *Hadiyyah al-'Arīfīn: Asmā' al-Mu'allafīn wa Āthār al-Muṣannafīn* (Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, 1955), 2:140.

(m.1135H/1722M) lebih kurang empat ratus tahun selepas terhasilnya kitab ini. Teks asal kitab *Ṭalibah al-Ṭalabah* dan syarahannya oleh al-Shar‘abī dijadikan sumber kepada penulisan kitab *Tibyān al-Marām* ini dan ulasan tambahan daripada penterjemah menjadikan ia satu karya yang unik sesuai dengan tradisi dan amalan pendidikan Islam di Alam Melayu. Ia merupakan asas dan panduan kepada para pelajar terutamanya di Aceh Darussalam yang merupakan pusat keilmuan Islam pada ketika itu.

Berdasarkan populariti dan kewibawaan karya ini ia kemudiannya diterjemahan kepada bahasa Melayu aksara Jawi oleh sarjana Aceh ketika itu dan menamakannya sebagai *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah*. Mengenai hal ini, penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* menjelaskan dengan katanya<sup>17</sup>:

أما بعد، فلما كانت طلبة الطلبة للإمام الكاشغري كثيرا  
الفوائد، ورأيت أكثر طلاب العلم المبتدئين الذين لا  
يعرفون لسان العرب، يجهلون شروط العلم وآدابه،  
انبعث قلبي لأن أترجمها لينتفعون بما معتمد بقول رسول  
الله صلى الله عليه وسلم: الدال على الخير كفاعله.  
ومحديته أيضا: إن الدين النصيحة، وسميته مترجمتها  
بتبيان المرام طلبة الطلبة بلسان الجاوية.

Ertinya: Adapun kemudian dari itu; maka tatkala adalah kitab *Ṭalibah al-Ṭalabah* karangan bagi Imam Muhammad namanya; Kashghar nama negerinya; banyaklah segala faedah dalamnya; dan aku lihat akan yang kebanyakan daripada segala orang yang menuntut ilmu yang *mubtadi'īn* mereka itu

<sup>17</sup> Lihat folio 8b dan 9a. Seterusnya diringkaskan sebagai f.8b-f.9a.

pada masa ini; segala mereka itu yang tiada mengetahui mereka itu akan bahasa Arab; hal keadaan mereka itu jahil mereka itu akan segala syarat ilmu dan akan segala adabnya; nescaya menerima bangkitlah hati ku bagi bahawa aku juru-bahasakan dia dengan bahasa Jawi pada ghalibnya supaya beroleh manfaat mereka itu dengan dia; hal keadaan aku yang memegang dia dengan kata Nabi Rasul Allah *ṣalla Allāh 'alayh wa sallam al-dāl ilā ākhir* ertinya: "Bermula orang yang menunjuk bagi kebajikan itu adalah ia seperti orang yang berbuat dia pada membalasnya"; dan yang memegang pula dengan hadis *inna al-dīn ila ākhir* ertinya: "Bahawasanya agama; ertinya agama Islam itu iaitulah memberi nasihat"; dan aku namai akan yang dibahasakan daripadanya itu dengan *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah* ertinya: Menyatakan maksud kitab *Ṭalibah* dengan bahasa Jawi.

Oleh yang demikian, berdasarkan kenyataan penulis ini jelas ia merupakan sebuah karya terjemahan daripada naskhah asal kitab *Ṭalibah al-Ṭalabah*. Adalah tidak diragui lagi bahawa teks asal kitab ini ialah karya al-Kāshgharī. Hal ini dibuktikan dengan rujukan silang yang dibuat oleh penulis melalui manuskrip *Ṭalibah al-Ṭalabah* menunjukkan keselarasan dan ketekalan teks, hanya beberapa perbezaan kecil sahaja yang tidak menjejaskan autoriti dan kesahan penisbahan teks kepada al-Kāshgharī.<sup>18</sup>

Setelah dirujuk dan dilihat lebih mendalam terjemahan yang dikemukakan oleh penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* pula ia juga merupakan terjemahan

---

<sup>18</sup> Lihat Manuskrip *Ṭalibah al-Ṭalabah* karya al-Kāshgharī dalam koleksi Universiti King Sa'ūd.

yang berwibawa dan ilmiah serta bukannya terjemahan bebas. Terjemahan yang dikemukakan ini juga bukan semata-mata terjemahan, malah penulis turut menambah komentar dan penjelasan lanjut kepada teks asal *Ṭalibah al-Ṭalabah*. Hal ini menjelaskan bahawa *Tibyān al-Marām* merupakan sebuah karya istimewa dan amat wajar dikaji lebih mendalam. Ia bukan sahaja semata-mata terjemahan daripada pemikiran sarjana Arab atau timur tengah, malah beberapa pemikiran dan isu lokal Alam Melayu juga diketengahkan dalam karya ini.

Hal ini juga menjadikan manuskrip *Tibyān al-Marām* mendapat tempat dan dirujuk serta dinukilan oleh sarjana lain Alam Melayu dalam karya mereka, antaranya seperti *Bāb al-Adab*,<sup>19</sup> *al-Jawhar al-Mawhūb wa Munabbihāt al-Qulūb*<sup>20</sup> dan sebagainya. Untuk menghasilkan terjemahan dengan ulasan sebegini ia tentunya memerlukan fokus dan perhatian yang serius. Oleh sebab inilah, penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* sendiri menyatakan bahawa untuk menyiapkan kitab ini beliau memerlukan masa sekurang-kurangnya dua tahun. Beliau menjelaskan<sup>21</sup>:

تمت هذه المترجمة بلسان الجاوية غالب السودة المعلقة  
تحت حمرة أصلها العربية بعون الله الملك الوهاب.

Ertinya: "Kesempurnaan kitab ini yang dibahasakan dia dengan bahasa Jawi pada ghalibnya lagi yang dihitamkan dia lagi yang digantungkan dia di bawah merah asalnya yang bahasa Arab dengan tolong Allah iaitu Raja yang Amat Mengurniai".

<sup>19</sup> M. Mustaqim & Mohd Anuar, *Bab al-Adab (MSS2906A)*, 143.

<sup>20</sup> 'Ali bin 'Abd al-Rahman al-Kelantani, *al-Jawhar al-Mawhūb wa Munabbihāt al-Qulūb* (Pulau Pinang: al-Mu'arif, t.t.), 12-15.

<sup>21</sup> Lihat f.91b.

ولعل تسويدهما في سنتين تقريبا لأني في شغل كثير غير هذا.

"Dan mudah-mudahan adalah dihitamkan dia dalam dua tahun lebih kurang kerana bahawasanya hamba dalam pekerjaan yang banyak yang lain daripada ini".

Oleh yang demikian, makalah ini akan menganalisis sebahagian daripada kandungan manuskrip secara khususnya berkaitan dengan dua perbincangan penting epistemologi Islam berdasarkan metode analisis kandungan. Aspek pertama, berkaitan konsep asas dan hakikat ilmu, manakala kedua berkenaan pembahagian dan pemilihan ilmu. Kedua-dua aspek ini amat penting untuk dibincangkan menurut manuskrip Melayu kerana ia merupakan sumber utama dalam menganalisis pemikiran pendidikan Alam Melayu yang awal.<sup>22</sup> Aspek ini juga tidak banyak dikaji oleh para sarjana kontemporari di samping makalah ini akan membuka kepada banyak kajian dalam tema pendidikan Alam Melayu dan manuskrip *Tibyān al-Marām* secara khususnya.

### **Konsep Asas dan Hakikat Ilmu Dalam Manuskrip MSS 2906 (B) *Tibyān Al-Marām***

Persoalan pertama yang akan dianalisis dalam makalah ini ialah tentang konsep asas dan kedudukan ilmu menurut manuskrip Melayu, *Tibyān al-Marām*. Persoalan hakikat ilmu ini dibahaskan oleh ramai sarjana Islam sepanjang zaman.<sup>23</sup> Hal ini menunjukkan aspek ini amat penting dan

<sup>22</sup> Mohd Anuar Mamat, *Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam*, 66-88.

<sup>23</sup> Lihat antara contohnya, Aḥmad bin Muṣṭafā Tash Kubrā Zādeh, *Miftāḥ al-Sa'ādah wa Miṣbāḥ al-Siyādah fī Mawdu'āt al-'Ulūm*, 3 jilid (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.); Siddiq bin Ḥasan al-Qannawjī, *Abjad al-'Ulūm*, taḥqiq 'Abd al-Jabbār, 3 jilid (Damshiq:

mendapat perhatian yang serius oleh para sarjana Islam. Situasi ini juga tidak berbeza dengan perkembangan kesarjanaan dalam manuskrip Melayu. Mereka juga memberi perhatian tentang konsep ilmu dan kedudukan khususnya dalam manuskrip sastera kitab genre agama dan pendidikan.<sup>24</sup>

Merujuk kepada manuskrip *Tibyān al-Marām*, persoalan hakikat dan konsep asas ilmu ini dijelaskan pada bab-bab yang awal. Penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* amat menekankan kepada para pelajar khususnya dan umat Islam amnya supaya memahami dengan sebenarnya konsep ilmu dan kedudukannya. Hal ini disebabkan pada pengamatan beliau dengan kekaburan dan kekeliruan akan konsep ilmu ini menatijahkan kesukaran memperoleh ilmu dan lebih malang lagi ilmu yang dipelajari tidak menyampaikan akan maksudnya seterusnya matlamat sebenar pendidikan Islam itu tidak kesampaian. Mengenai hal ini, penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* menjelaskan dengan katanya<sup>25</sup>:

---

Manshurat Wizarat al-Thaqafah wa al-Irshad al-Qawmī, 1978); Muhammad 'Alī Tahānawī, *Kashshāf Iṣṭilāḥāt al-Funūn wa al-'Ulūm*, tahqiq 'Alī al-Dahruj, 2 jilid (Beirut: Librairie du Liban, 1996); al-Qaḍī 'Abd al-Nabī bin 'Abd al-Rasūl al-Aḥmad Nigārī, *Jāmi' al-'Ulūm*, tahqiq 'Alī al-Dahruj (Beirut: Librairie du Liban, 1997); Franz Rosenthal, *Knowledge Triumphant: The Concept of Knowledge in Medieval Islam* (Leiden: E. J. Brill, 1970); Wan Mohd Nor Wan Daud, *Konsep Ilmu dalam Islam*, terj. Rosnani Hashim (Kuala Lumpur: DBP, 1994); Osman Bakar, *Classification of Knowledge in Islam: A Study in Islamic Philosophies of Science* (Kuala Lumpur: Institute for Policy Research, 1992).

<sup>24</sup> Mohd Anuar Mamat, *Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam*, 66-88; Zurakintan Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh, "Pemikiran Melayu tentang Ilmu dan Adab dalam Puisi Melayu Tradisional," *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)* 3(2) (2015), 121-129.

<sup>25</sup> Lihat, f.8b-9a.

أما بعد، فلما كانت طلبة الطلبة للإمام الكاشغري كثيرا  
الفوائد، ورأيت أكثر طلاب العلم المبتدئين الذين لا  
يعرفون لسان العرب، يجهلون شروط العلم وآدابه،  
انبعث قلبي لأن أترجمها لينتفعون بها.

Ertinya: Adapun kemudian dari itu; maka tatkala adalah kitab *Talibah al-Talabah* karangan bagi Imam Muhammad namanya; Kashghar nama negerinya; banyaklah segala faedah dalamnya; dan aku lihat akan yang kebanyakan daripada segala orang yang menuntut ilmu yang *mubtadi'in* mereka itu pada masa ini; segala mereka itu yang tiada mengetahui mereka itu akan bahasa Arab; hal keadaan mereka itu jahil mereka itu akan segala syarat ilmu dan akan segala adabnya; nescaya menerima bangkitlah hati ku bagi bahawa aku juru-bahasakan dia dengan bahasa Jawi pada ghalibnya supaya beroleh manfaat mereka itu dengan dia.

Di samping itu, penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* juga menghuraikan kenyataan Muhammad al-Kāshgharī (m.705H/1305M) yang menjelaskan bahawa antara punca para pelajar tidak mencapai matlamat sebenar dalam menuntut ilmu adalah disebabkan kekeliruan konsep, kedudukan dan juga adab dalam memperolehi ilmu. Mereka yang mengalami situasi tersebut dianggap sebagai 'orang tersalah jalan' dan 'mereka yang tersesat'. Mengenai hal ini, beliau menjelaskan<sup>26</sup>:

Kerana bahawasanya aku lihat akan beberapa manusia yang banyak daripada segala orang yang menuntut ilmu pada zaman kita

---

<sup>26</sup> Lihat, f.10b-11a.

ditegahkan akan mereka itu daripada menghambur mereka itu akan ilmu dan ditegahkan akan mereka itu daripada menghambur mereka itu mengambil mereka itu dengan dia iaitu buahnya dan yang dimaksudkan daripadanya. Bermula yang demikian itu kerana bahawasanya mereka itu tersalah mereka itu akan segala jalannya dan sesatlah ia dan kerana meninggal mereka itu akan segala syaratnya. Bermula dikehendak dengan "segala jalannya" dan "segala syaratnya" itu iaitu barang yang diiktibarkan dia pada ketika ajar dia iaitu daripada segala adab yang dinyatakan setengahnya itu pada kitab ini. Dan ketahui oleh mu bahawasanya ditegahkan akan segala orang yang mempunyai ilmu itu daripada menghambur dia bagi segala orang yang menuntut dia dan daripada mengambil dengan barang yang menghendak akan dia oleh ilmu itu; iaitulah daripada sehabis kehinaan dan sehabis kerugian, *intahā*. Bermula orang yang sesat jalan itu yang menyampai ia kepada maksud tiada beroleh ia akan pekerjaan yang dimaksud, sedikit ada ia atau besar ia, kerana tiap-tiap rumah itu tiada masuk akan dia melainkan daripada pintunya. Dan tiap-tiap yang dituntut itu tiada hasil ia melainkan dengan dikekalkan segala adabnya.

Berdasarkan beberapa petikan di atas jelas manunjukkan perhatian penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* terhadap isu pendidikan yang melanda masyarakat pada zaman beliau. Fenomena ini berpunca daripada kekeliruan akan konsep ilmu, kedudukan dan juga pembahagian ilmu yang menyebabkan para pelajar hilang pedoman dalam pendidikan yang mereka ikuti. Permasalahan ini sebenarnya juga masih relevan



diketengahkan dalam konteks sekarang disebabkan masalah ini masih berlarutan. Hal ini diamati dengan baik oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas yang mana beliau menegaskan bahawa antara masalah umat Islam ialah masalah ilmu dan adab.<sup>27</sup> Oleh itu, amat wajar persoalan hakikat dan konsep asas ilmu ini diketengahkan menurut perspektif manuskrip Melayu.

Mengenai konsep asas ilmu, penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* dalam usaha mentakrifkan ilmu, telah mengemukakan dua kata kunci utama, iaitu ilmu dan juga *fiqh*. Dalam kepelbagaian takrif ilmu yang dibincangkan oleh para sarjana Islam,<sup>28</sup> kelihatan penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* memilih takrifan ilmu yang merujuk kepada ilmu sebagai salah satu sifat, yakni sifat kepada diri insan yang dikurniakan secara khusus dan istimewa berbanding segala makhluk yang lain.<sup>29</sup> Oleh yang demikian, beliau menyimpulkan maksud ilmu dengan kenyataannya<sup>30</sup>:

---

<sup>27</sup> Lihat, Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Risalah untuk Kaum Muslimin* (Kuala Lumpur: ISTAC, 2001); Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam* (Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia (USM), 2007). Lihat juga perbincangan masalah ilmu dan adab ini sebagai masalah dalaman umat Islam dalam, Wan Mohd Nor Wan Daud, *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An Exposition of The Original Concept of Islamization* (Kuala Lumpur: ISTAC, 1998); Mohd Zaidi Ismail & Wan Suhaimi Wan Abdullah (ed), *Adab dan Peradaban: Karya Pengi'tirafan untuk Syed Muhammad Naquib al-Attas* (Selangor: MPH Group Publishing Sdn Bhd, 2012).

<sup>28</sup> Lihat, Mohd Zaidi Ismail, "Faham Ilmu Dalam Islam: Pengamatan Terhadap Tiga Takrifan Utama Ilmu", *Jurnal AFKAR* 10 (2009), 44.

<sup>29</sup> Burhān al-Dīn al-Zarnujī, *Ta'lim al-Muta'allim Ṭariq al-Ta'allum*, tahqiq Mustafa 'Ashur (Kaherah: Bulaq, 1986), 86; Wan Suhaimi Wan Abdullah, "Falsafah Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Islam: Suatu Analisis Karya al-Zarnujī", *Jurnal AFKAR* 3 (2002), 175.

<sup>30</sup> Lihat, f.18a.

وأما العلم فهو صفة ينجلي بها لمن قامت به.

Ertinya: Dan adapun ilmu itu, maka iaitu suatu sifat yang nyata dengan dia barang yang maklum bagi orang yang berdiri yang demikian sifat dengan dia akan sebagai nyata yang sempurna.

Berdasarkan petikan di atas, menunjukkan bahawa ilmu itu adalah suatu sifat yang istimewa pada diri insan. Ia juga turut menjelaskan bahawa sifat ini berperanan menjadikan sesuatu perkara itu jelas, nyata, terang dan maklum kepada diri manusia. Ilmu itu pada pandangan manuskrip *Tibyān al-Marām* sebenarnya sesuatu yang nyata lagi menerangi diri insan seumpama cahaya yang menerangi sesuatu.

Menarik untuk dikemukakan dalam perbincangan ini, dalam naskhah manuskrip *Talibah al-Talabah* yang lain, iaitu koleksi Universiti King Sa'ūd (KSU), kalimah *yanjalī bihā* ditukar kepada *yatajallā bihā al-madhkūr*. Apabila diselidiki lebih lanjut berkenaan takrifan ini dengan kedua-dua varian bacaan tersebut, menunjukkan bahawa ia bukan takrifan asing atau terpencil dalam perbincangan epistemologi Islam. Takrifan ini merupakan salah satu takrifan utama yang dikemukakan oleh sarjana Islam sebelum dan selepas zaman Muḥammad al-Kāshgharī.<sup>31</sup> Bahkan ia hampir sama dengan takrif yang dikemukakan oleh Imam Maymūn bin Muḥammad al-Nasafī (m.507H/1113M) dan Imam Sa'ad al-Dīn Mas'ūd bin 'Umar al-Taftāzānī (m.793H/1391M),<sup>32</sup> yang

<sup>31</sup> Mohd Zaidi Ismail, *Faham Ilmu Dalam Islam*, 44-45.

<sup>32</sup> Maymūn bin Muḥammad al-Nasafī, *Bahr al-Kalām*, tahqiq Muḥammad Šālih al-Farfūr (Damshiq: Dār al-Farfūr, 2000), 61; Sa'ad al-Dīn Mas'ūd bin 'Umar al-Taftāzānī, *Sharḥ al-'Aqā'id al-Nasafiyah* (Mesir: Matba'at Kurdistan al-'Ilmiyyah, 1329H), 39; Mohd Zaidi Ismail, *Faham Ilmu Dalam Islam*, 44-45.

merupakan sarjana terkemuka dalam bidang akidah, epistemologi Islam dan ilmu feqah.

Selain itu, jika dirujuk pula pentakrifan ilmu oleh para sarjana Alam Melayu, ternyata takrifan ini dikemukakan dan dikembangkan oleh sarjana kurun ke-19/20M, khususnya para ilmuwan Fatani. Sebagai contohnya, Shaykh Zayn al-'Ābidīn al-Faṭānī (m.1331H/1913M) atau dikenali sebagai Tuan Minal turut mengemukakan takrif ilmu yang hampir sama. Beliau menjelaskan ilmu ialah "mendapat akan sesuatu yang berbetulan dengan hakikatnya".<sup>33</sup> Hal ini menjelaskan bahawa kitab *Tibyān al-Marām* ini mempunyai pengaruhnya tersendiri dan juga sumbernya adalah berdasarkan karya yang berwibawa.

Kata kunci kedua mengenai konsep ilmu yang dikemukakan oleh manuskrip *Tibyān al-Marām* ialah takrifan *al-fiqh*. Beliau menjelaskan konsep asas ilmu itu juga difahami dengan makna dan akar kata *al-fiqh*. Penggunaan kata *al-fiqh* ini yang merujuk kepada konsep ilmu adalah berdasarkan makna etimologi kedua-dua istilah tersebut yang sinonim sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Ghazālī (m.505H/1111M) dan Ibn Manẓūr (m.711H/1311M).<sup>34</sup> Namun, istilah *al-fiqh* ini lebih cenderung kepada kefahaman yang terbaik (*al-fahm; aḥsan idrāk*).<sup>35</sup>

---

<sup>33</sup> Zayn al-'Ābidīn al-Faṭānī, *Aqīdah al-Nājin* (Thailand: Matba'ah Bin Halabi, t.t.), 5; Wan Suhaimi Wan Abdullah, "Beberapa Aspek Epistemologi al-Shaykh Zayn al-'Abidin B. Muhammad al-Fatani: Suatu Penelitian Awal Terhadap Karyanya *Aqīdah al-Nājin fi 'Ilm Uṣūl al-Dīn*", *Jurnal AFKAR* 2 (2001), 115.

<sup>34</sup> Muḥammad bin Muḥamad al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* (Kaherah: Dar Fajr li al-Turath, 1999), 1:52; Muḥammad bin Makram Ibn Manẓūr, *Lisān al-'Arab* (Kaherah: Dar Hadith, 2003), 7:145; Mohd Anuar Mamat, *Pemikiran Pendidikan Imam Abū Ḥanīfah: al-'Ālim wa al-Muta'allim* (Kuala Lumpur: CASIS-HAKIM, 2016), 91.

<sup>35</sup> Ibn Manẓūr, *Lisān al-'Arab*, 7: 145.

Mengenai *al-fiqh* ini sebagai konsep ilmu, penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* menyebut:

وأما الفقه فهو معرفة دقائق العلم

Ertinya: Dan adapun fiqh itu, maka iaitu mengenal segala yang halus daripada ilmu bagi segala hukum.<sup>36</sup>

Menguatkan lagi fahaman dan pendapat ini, beliau menukulkan kata-kata Imam Abū Ḥanīfah (m.150H/767M) mengenai kaitan antara ilmu dan *al-fiqh* ini. Imam Abū Ḥanīfah antara sarjana yang terawal memperkenalkan istilah *al-fiqh* yang merujuk kepada ilmu. Dalam karyanya yang bertajuk *al-Fiqh al-Absaṭ*, beliau menyatakan *fiqh* dalam agama adalah lebih baik daripada *fiqh* dalam hukum. *Fiqh* di sini merujuk kepada ilmu, iaitu ilmu akidah itu lebih utama berbanding ilmu tentang hukum-hakam.<sup>37</sup> Mengenai hal ini penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* berkata<sup>38</sup>:

وقال أبو حنيفة رضي الله عنه: الفقه معرفة النفس ما لها وما عليها. وقال: ما العلم إلا العمل به، والعمل به ترك العاجل للأجل.

Ertinya: Dan telah berkata Imam Abū Ḥanīfah *raḍīya Allāh ‘anhu*: bermula fiqh itu iaitu mengetahui oleh manusia akan barang yang harus baginya, iaitu daripada segala barang yang harus pada hukum Syarak dan mengetahui akan barang yang dituntuti akan dia daripadanya, dan iaitu pekerjaan yang wajib dan yang sunat dan yang haram dan

<sup>36</sup> Lihat, f.18a.

<sup>37</sup> Abū Ḥanīfah, "Waṣīyyah", dalam *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*, ed. Muḥammad Zāhid al-Kawtharī (Mesir: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 2001), 41.

<sup>38</sup> Lihat, f.18a-18b.

yang makruh. Dan berkata ia: tiadalah ilmu itu melainkan diamalkan dengan dia. Bermula diamal dengan dia iaitu ditinggalkan yang segera yang dibangsakan dia pada dunia iaitu daripada segala lazat yang dibangsakan dia kepada keinginan dan daripada segala bahagian yang dibangsakan dia kepada hawa nafsu kerana pekerjaan yang tangguh dan iaitu pembalas daripada Allah Taala dan mendapat keredaan-Nya dan bersekampunglah dengan orang yang telah dipelihara Allah Taala akan dia.

Berdasarkan perbincangan mengenai konsep asas ilmu ini dapat disimpulkan bahawa manuskrip *Tibyān al-Marām* menjelaskan melalui dua kata kunci utama iaitu ilmu dan *fiqh*. Pentakrifan yang dikemukakan juga adalah berdasarkan pandangan sarjana Islam yang berwibawa seperti Imam Abū Ḥanīfah, al-Nasafī dan juga al-Taftāzānī. Hal ini membuktikan bahawa karya ini merupakan karya ilmiah Alam Melayu yang ditulis berdasarkan nukilan yang dipercayai. Penjelasan mengenai konsep ilmu ini kemudiannya dilanjutkan perbincangan dalam karya-karya kurun ke-19M termasuklah karya Tuan Minal mengenai konsep ilmu.

Selain itu, konsep ilmu yang diketengahkan dalam manuskrip *Tibyān al-Marām* ini berupaya menjelaskan perbincangan mengenai hakikat ilmu dan ia menatijahkan usaha yang tepat dalam pendidikan. Dengan mengenali apa itu ilmu, maka sistem pendidikan Alam Melayu dapat menawarkan ilmu yang tepat dalam struktur kurikulum di institusi-institusi pendidikan Alam Melayu. Untuk menjelaskan dengan lebih lanjut persoalan ini, manuskrip *Tibyān al-Marām* seterusnya mengemukakan dasar pembahagian ilmu dan pemilihannya. Oleh yang demikian, pada bahagian seterusnya akan dianalisis

pembahagian dan pemilihan ilmu menurut manuskrip *Tibyān al-Marām*.

### **Pembahagian Dan Pemilihan Ilmu Menurut Manuskrip MSS 2906 (B) *Tibyān al-Marām***

Persoalan kedua yang dibincangkan dalam makalah ini ialah analisis tentang pembahagian ilmu menurut manuskrip Melayu *Tibyān al-Marām*. Persoalan ini juga penting dan diberi perhatian oleh penulis di samping hakikat dan konsep ilmu. Ilmu yang difahami di atas adalah amat luas cakupannya. Dalam memastikan seseorang insan atau pelajar mendapat ilmu sebagaimana yang sepatutnya bagi dirinya, mereka perlu memahami pembahagian ilmu dan juga memilihnya dengan tepat dan berpandu. Perbincangan tentang pembahagian dan pemilihan ilmu ini juga amat penting bagi menentukan keutamaan dalam pembelajaran khususnya setelah ilmu itu berkembang dengan pesat sehingga lahirnya perbincangan yang mendalam. Ia berkait rapat dengan pembinaan kurikulum pendidikan dan struktur ilmu yang perlu dipelajari dan disusun oleh sesebuah institusi pendidikan.<sup>39</sup>

Menurut manuskrip *Tibyān al-Marām*, ilmu itu dibahagikan kepada beberapa pembahagian. Antara yang utama dikemukakan oleh manuskrip ini ialah pembahagian ilmu berdasarkan *hāl* seseorang insan. Perbincangan ini bermula dengan hadith Nabi SAW yang menyebut bahawa menuntut ilmu itu merupakan sesuatu yang wajib dan fardu bagi seseorang muslim. Jadi, apakah ilmu yang wajib atau fardu untuk dipelajari? Setakat manakah kefarduan itu? Mengenai hal ini, penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* menyatakan<sup>40</sup>:

---

<sup>39</sup> Lihat, Rosnani Hashim, *Toward an Islamic Curriculum: Principles and Issues* (Gombak: UIA, 2019); Hasan Langgulung, *Menghadapi Abad ke-21* (Bangi: UKM, 1993).

<sup>40</sup> Lihat, f.11b-12a.

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: طلب العلم فريضة  
على كل مسلم. قيل: المراد من هذا العلم طلب علم  
الحال.

Ertinya: Telah berkata Nabi *ṣalla Allāh ‘alayh wa sallam*: “Bermula menuntut ilmu itu”  
ertinya: ilmu bagi amal yang ia masyhurlah  
wajib antara segala orang yang Islam tiada  
lainnya; “fardu” ertinya: difardukan akan dia.  
Dan iaitu hal keadaan ia setengah daripada  
segala hukum Syarak barang yang diberi  
pahala atas diperbuatnya dan diseksa atas  
ditinggalkannya atas tiap-tiap orang yang  
Islam. Kata *qīl* akan sebagai kata yang makbul:  
bermula dikehendak dengan ilmu itu yang  
difardukan tuntutnya atas tiap-tiap orang yang  
Islam itu menuntut ilmu *ḥāl* ketiadaan lainnya.

Berdasarkan petikan di atas, penulis manuskrip  
*Tibyān al-Marām* menjelaskan bahawa ilmu yang fardu  
sebagaimana hadith Nabi SAW tersebut ialah ilmu *ḥāl*,  
iaitu ilmu yang wajib dituntut oleh tiap-tiap individu  
mengikut keadaan yang bakal dialaminya. Pada tempat  
lain pula, beliau menjelaskan dengan lebih terperinci  
maksud ilmu *ḥāl* dengan katanya<sup>41</sup>:

كما يقول: العلم علم الحال وأفضل العمل حفظ  
الحال. فالفريضة على المسلم طلب ما يقع في حاله.

Ertinya: Seperti barang yang sabit ia pada yang  
terlebih masyhur daripada segala perkataan  
iaitu: bermula ilmu itu *ḥāl*, ertinya bermula  
ilmu yang terafdal itu yang ia fardu ain  
dituntutnya. Dan yang wajib didahulukannya

---

<sup>41</sup> Lihat, f.12a-12b.

itu ilmu *hāl* ertinya ilmu yang kehendak kepadanya padanya kerana sah amal atau kerana sah muamalat atau seumpama yang demikian itu. Ertinya: dan yang terlebih afdal daripada segala amal itu memelihara *hāl*, ertinya dan yang terafdal daripada segala amal yang dihampirkan dengan dia kepada Allah daripada amal yang wajib dan yang sunat itu memelihara *hāl* dengan bahawa tiada mensia-sia oleh hamba Allah akan barang yang wajib ia atasnya pada sekarang daripada segala amal, dan bahawa bimbang ia dengan barang yang akan wajib atasnya pada masa yang lagi akan datang; Ertinya: maka yang fardu atas orang yang Islam menuntut barang yang Islam, dan demikian lagi orang yang kafir dituntut ilmu bagi barang yang jatuh ia baginya pada waktu yang ia dalamnya.

Maka ilmu *hāl* inilah merupakan ilmu yang utama, wajib dan paling afdal dituntut oleh setiap orang Islam, lelaki mahupun perempuan. Dalam memahami pembagaian ilmu *hāl* ini, manuskrip *Tibyān al-Marām* juga menegaskan ilmu *hāl* bukan sahaja bermaksud memperolehi ilmu semata-mata secara pasif, malah ilmu *hāl* ini menuntut setiap insan melaksanakan ilmu tersebut, atau dengan kata lain sesuatu amal-ibadat itu tidak sah tanpa adanya ilmu *hāl* ini.

Oleh sebab itu, beliau menegaskan bahawa "ilmu *hāl* ertinya ilmu yang kehendak kepadanya padanya kerana sah amal" dan juga dilengkapi dengan "memelihara *hāl* dengan bahawa tiada mensia-sia oleh hamba Allah akan barang yang wajib ia atasnya".

Oleh yang demikian, ilmu *hāl* yang dimaksudkan dalam manuskrip *Tibyān al-Marām* ini dalam erti kata lain atau menurut sarjana lain adalah ilmu Fardu Ain khususnya seperti yang dinyatakan oleh al-Zarnūjī dan al-



Ghazālī.<sup>42</sup> Al-Zarnūjī juga menamakan ilmu ini sebagai ilmu *ḥāl* dan apa yang dikemukakan oleh manuskrip *Tibyān al-Marām* ini adalah selaras dengan perbincangan al-Zarnūjī dalam karyanya *Ta'lim al-Muta'allim Ṭarīq al-Ta'allum*.<sup>43</sup> Manakala bagi al-Ghazālī pula, beliau menggunakan istilah ilmu Fardu Ain, iaitu ilmu yang menjadi kewajipan kepada setiap insan secara individu (*'aynī*) yang berkuasa dan merdeka.<sup>44</sup> Beliau seterusnya mentakrifkan ilmu Fardu Ain adalah sebagai "ilmu tentang tata cara amal perbuatan yang wajib".

Oleh itu, barang siapa yang telah mengetahui ilmu yang wajib berserta waktu wajibnya, bererti dia telah mengetahui ilmu fardu ain tersebut".<sup>45</sup> Oleh yang demikian, takrifan ilmu *ḥāl* dalam manuskrip *Tibyān al-Marām* ini kelihatan hampir sama dengan apa yang telah dirumuskan oleh al-Zarnūjī dan al-Ghazālī mengenai ilmu fardu ain iaitu ilmu yang wajib dituntut beserta dengan waktu wajibnya.

Untuk menjelaskan lagi pembahagian ilmu ini, penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* menyatakan dengan lebih terperinci huraian ilmu *ḥāl* beserta contoh-contohnya. Beliau menjelaskan bahawa ilmu *ḥāl* ini tidak terhad kepada ilmu feqah sahaja sebagaimana yang

---

<sup>42</sup> Al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, 1:31; Burhān al-Dīn al-Zarnūjī, *Ta'lim al-Muta'allim*, 83-88. Lihat juga perbincangan khusus mengenai ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah dalam, Mukhlas Nugraha, "Konsep Ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah dan Kepentingan Amalannya Dalam Kurikulum Pendidikan Islam", *Jurnal TAFHIM* 10 (2017), 109-114.

<sup>43</sup> Burhān al-Dīn al-Zarnūjī, *Ta'lim al-Muta'allim*, 83-88.

<sup>44</sup> Wan Mohd Nor, *The Educational Philosophy*, 114-115; Wan Mohd Nor Wan Daud, *Peranan Universiti: Pengislaman Ilmu Semasa, Penafibaratan dan Penafijajahan* (Kuala Lumpur: CASIS, 2017), 72.

<sup>45</sup> Al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, 1:31; Mukhlas Nugraha, *Konsep Ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah*, 109; Wan Suhaimi Wan Abdullah, *Khulasah Faham Ilmu: Kitab al-'Ilm Imam al-Ghazali*, (Kuala Lumpur: Pertubuhan Pendidikan Futuwwah, 2019), 29-30.

difahami oleh kebanyakan orang, malah ia merangkumi ilmu akidah dan juga tasawuf. Pembahagian ini juga selaras dengan al-Ghazālī dalam menjelaskan kelompok ilmu Fardu Ain. Al-Ghazālī menyebut bahawa ilmu Fardu Ain itu merujuk kepada kepercayaan (*i'tiqād*) iaitu berpegang kepada aqidah Islam, perbuatan (*fi'l*) iaitu mengamalkan segala suruhan agama dan peninggalan (*tark*) iaitu menjauhi segala larangan agama.<sup>46</sup>

Mengenai ilmu *ḥāl* dalam persoalan feqah khususnya solat, zakat dan haji, penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* menyatakan<sup>47</sup>:

يفترض عليه علم ما يقع في صلاته بقدر ما يؤدي به  
فرضها وكذلك القول في الزكاة والحج إن كان له مال  
والصوم وكذلك في البيوع إن كان يتجر.

Ertinya: Maka fardulah atasnya diketahui barang yang berhadap ia pada bersucinya, aku kehendak dengan dia itu wuduk dan mandi dan tayamum dan menghilangkan najis dan diketahui barang yang berhadap ia pada sembahyangnya, fardu ada ia atau sunat yang dikehendaknya akan dia. Ertinya: maka fardulah atasnya mengetahui barang yang terhenti sah segala perkara yang tersebut itu atas diketahuinya dan iaitu daripada segala rukun baginya dan segala syarat baginya dan segala yang membatalkan dia setengah daripada barang yang banyak jatuhnya padanya. Bermula yang demikian dengan sekira-kira diketahui barang yang di bawah dengan dia akan fardunya hal keadaan yang

<sup>46</sup> Al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, 1: 28; Mukhlas Nugraha, *Konsep Ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah*, 110; Wan Suhaimi Wan Abdullah, *Khulasah Faham Ilmu*, 30.

<sup>47</sup> Lihat, f.13a-13b.

sah lagi yang memadai dia lagi yang diberi pahala atasnya kerana bahawasanya barang siapa yang tiada mengetahui ia akan segala rukun ibadat dan tiada segala syaratnya, maka tiadalah dapat akan dia membawa dia. Ertinya: Mengerjakan dia padahal barang yang tiada sempurna pekerjaan yang wajib melainkan dengan dia itu, wajiblah ia. Dan demikian lagi perkataan pada zakat dan pada haji, jika ada baginya harta. Demikian lagi perkataan pada puasa, dan demikian lagi perkataan pada segala perjualan jika ada ia berniaga.

Berdasarkan petikan di atas, penulis menjelaskan bahawa dalam bidang mu'amalat ataupun perjualan, bukan semua ilmu dalam bidang tersebut menjadi Fardu Ain kepada umat Islam. Beliau menjelaskan hanya mereka yang terlibat dalam bidang tersebut sahaja dikira sebagai fardu untuk mereka. Beliau menegaskan, "demikian lagi perkataan pada segala perjualan jika ada ia berniaga". Hal ini menjelaskan bahawa terdapat dinamika dalam memahami dan menentukan ilmu *hāl* ini. Ia bukannya rigid dan tidak berkembang, malah dasar pembahagian ilmu *hāl* ini adalah bergantung kepada setiap individu mengikut keadaan yang bakal dialaminya dan juga dinamik sifatnya.

Selanjutnya mengenai ilmu *hāl* dalam persoalan mu'amalat pula, penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* menjelaskan<sup>48</sup>:

وكذلك في سائر المعاملات

Dan seperti yang demikian perkataan pada segala muamalat yang berlaku ia antara segala makhluk. [Syarah] Bermula yang demikian itu seperti *bay' salam* dan berhutang dan mendua

---

<sup>48</sup> Lihat, f.14a.

laba dan sewa, dan muamalat daripada nikah dan *bāyi'* dan talak dan yang lain daripada demikian itu maka hukum semuanya itu seperti hukum pada segala perjualan jua.

Selain itu, ilmu tawasuf juga merupakan sebahagian daripada ilmu *ḥāl*. Hal ini bermaksud selaras dengan pandangan al-Ghazālī bahawa ilmu tasawuf khususnya berkaitan dengan hati merupakan antara ilmu Fardu Ain yang wajib dipelajari oleh setiap insan. Kelompok ilmu tasawuf ini akan menjamin kesempurnaan amal-ibadat seseorang daripada kerosakan zahir mahupun batin. Mengenai hal ini, penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* menyatakan<sup>49</sup>:

وكذلك يفرض عليه علم أحوال القلب

Dan demikian lagi difardukan atasnya mengetahui segala kelakuan bagi hati yang dipujikan akan dia dan demikian lagi segala sifat hati yang dicelakan akan dia. [Syarah] Dan sanya menyatakan oleh mualif setengah daripada yang demikian itu hal keadaan ia yang menyampaikan atas segala sifat hati yang dipujikan akan dia yang ada ia setengah daripadanya, maka berkata ia:

من التوكل والإنابة والخشية والرضا والتفويض والتسلم  
وغيرها

Dan iaitu tawakal dan *inābah* dan takut daripada Allah Taala dan reda dengan qada Allah hal keadaan semata-mata, ertinya semata-mata ada ia baik atau jahat, dan dengan *maqḍī* yang harus diredakan dengan dia dan *tafwīd* dan *taslīm* dan lainnya. [Syarah]

---

<sup>49</sup> Lihat, f.14a-15a.

Adapun erti tawakal itu memegang atas Allah Taala dan memutuskan tilik daripada segala sebab serta disanggerahnya.<sup>50</sup> Dan erti *inābah* itu kembali kepada Allah daripada sekalian bersalahan dan berhadap atas segala taatnya. Dan erti takut daripada Allah Taala itu takut yang berserta dengan makrifat bagi Allah dan dengan membesarkan Dia. Kata *qīl*: Bermula takut itu bergerak-gerak hati daripada kebesaran Allah Taala. Dan erti reda dengan qada hal keadaannya semata-mata, dan reda dengan *maqḍī* yang harusnya reda dengan dia itu iaitu ditinggalkan ikhtiar baginya. Dan buahnya itu ketiadaan di-*tirāḍ*-kan atas yang ditakdirkan Allah Taala akan dia dan sejahtera daripada bencikannya. Maka tiadalah dituntut hasilnya dan tiada dituntut hilangnya kemudian daripada hasilnya. Dan erti *tafwīḍ* itu iaitu dipadankan dengan ilmu Allah Taala. Dan erti *taslīm* itu reda dengan hukum Allah Taala. Bermula katanya: "dan lainnya" iaitu seperti taubat dan syukur dan *khawf* ertinya takut dan harap dan barang sebagainya daripada segala sifat yang dipujikan pada Syarak.

Pembahagian kedua yang dikemukakan dalam manuskrip *Tibyān al-Marām* ialah ilmu yang perlu diketahui dan dipelajari, namun berdasarkan kadar tertentu. Dengan kadar yang bersesuaian ia digalakkan, namun pada kadar yang berlebihan ia perlu ditegah berdasarkan beberapa pertimbangan tertentu. Antaranya ialah seperti ilmu falak atau ilmu bintang, ilmu bahasa dan sebagainya. Pembahagian kedua ini merupakan ilmu pelengkap kepada kepentingan umat Islam secara amnya

---

<sup>50</sup> Definisi: sl; bersanggeraha berhenti ber-istirahat (berehat). Lihat, Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan Edisi Keempat*.

dan tidak perlu dituntut oleh setiap orang. Ia dianggap sebagai penyakit dan memberi mudarat serta tidak berfaedah kepada seseorang insan untuk mendalaminya secara terperinci. Mengenai hal ini, penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* menjelaskan dengan katanya<sup>51</sup>:

وأما علم النجوم فهو كالمرض فعلمه حرام إلا قدر ما  
يعرف الإنسان القبلة وأوقات الصلاة لأن الحرب عن  
قضاء الله وقدره غير ممكن.

Dan adapun ilmu *mujūm* itu, maka iaitu seperti penyakit pada pihak keadaannya memberi mudarat dan tiada ia memberi manfaat. Maka diketahuinya dan mengajarkan dia itu haramlah melainkan sekira-kira mengetahui manusia dengan dia akan kiblat dan segala waktu sembahyang, maka iaitu tiadalah haram kerana bahawasanya lari daripada qada Allah Taala dan daripada takdir-Nya itu ketiadaan mungkin ia tetapi mustahil ia.

Selain itu, antara contoh lain dalam kelompok ilmu ini ialah ilmu feqah yang terperinci serta ilmu bahasa. Secara khususnya ilmu bahasa, penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* menjelaskan<sup>52</sup>:

وعلم الفقه والعربية بقدر ما يصلح لسانه

Dan seperti ilmu fiqh, maka iaitu masuklah ia dalam segala ilmu *ahammiyyah*, dan seperti ilmu *'arabiyyah* dan iaitu di sini ilmu nahu dengan sekira-kira membaik ia akan lidah orang yang menuntut ilmu itu. [Syarah] Ertinya sekira-kira sejahtera ia sertanya

---

<sup>51</sup> Lihat, f.17a.

<sup>52</sup> Lihat, f.28b-29a.

daripada parut *lahm* dan tersalah dan dengan sekira-kira mengenal ia akan bahasa Arab.

Untuk menguatkan lagi pendapat ini, penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* menukilkan kata-kata Imam al-Shāfi'ī yang menjelaskan tentang pembahagian ilmu. Pada pandangan Imam al-Shāfi'ī, ilmu itu hanyalah terbahagi kepada dua kelompok. Pertama, ilmu berkenaan kemaslahatan agama, dan kedua, ilmu untuk kemaslahatan dunia. Kedua-dua kelompok ini saling memerlukan antara satu dengan yang lain. Bahagian pertama adalah fardu kepada setiap orang Islam mempelajarinya, manakala bahagian kedua dituntut sekadar memenuhi maslahat umat Islam. Mengenai hal ini, penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* menukilkan<sup>53</sup>:

قال الشافعي رضي الله عنه: العلم علمان، علم الفقه للأديان وعلم الطب للأبدان وما وراء ذلك بلغة مجلس.

Ertinya: Berkata Imam Shāfi'ī *raḍīya Allāh 'anhu*: bermula ilmu itu dua ilmu. Salah suatu daripada keduanya ilmu *fiqh* yang dibangsakan dia pada Syarak kerana segala agama. Dan yang kedua daripada keduanya ilmu tabib kerana segala badan. Dan barang yang lain daripada yang demikian itu, berkesuka-sukaan pada tempat duduknya dan berlazat-lazatlah dengan dipakaikan dia.

Berkenaan dengan petikan yang dinukilkan daripada Imam al-Shāfi'ī ini, tidak diketemui kata-kata beliau yang menjelaskan pembahagian ilmu sebegini melainkan hanya dalam karya al-Zarnūjī.<sup>54</sup> Namun begitu, ia agak selaras dengan pembahagian ilmu menurut Imam al-Shāfi'ī yang membahagikan ilmu kepada yang bersifat *'ammah* dan

<sup>53</sup> Lihat, f.17b-18a.

<sup>54</sup> Al-Zarnūjī, *Ta'lim al-Muta'allim*, 86.

juga *khāṣṣah*. Ilmu yang bersifat 'āmmah merujuk kepada "ilmu yang mesti diketahui oleh setiap Muslim yang mukallaf dan yang tiada terganggu akalnya manakala *khāṣṣah* pula ilmu yang tidak boleh dicapai oleh orang awam dan hanya golongan tertentu sahaja yang mesti mengetahuinya".<sup>55</sup> Oleh yang demikian, walaupun Imam Shāfi'ī tidak menggunakan istilah ilmu *ḥāl* atau ilmu Fardu Ain dan ilmu Fardu Kifayah atau ilmu dengan kadar tertentu, namun ia kelihatan hampir sama dengan maksud yang dikemukakan oleh manuskrip *Tibyān al-Marām*.

Selain kedua-dua pembahagian ini, penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* juga turut mengemukakan pembahagian berdasarkan sumber ilmu, iaitu ilmu berasaskan sumber wahyu dan nukilan yang berautoriti (ilmu *naqlī*) dan ilmu daripada perolehan akal pemikiran manusia (ilmu *'aqlī*). Beliau menasihatkan kepada para pelajar supaya menguasai kedua-dua kelompok ilmu *naqlī* dan *'aqlī* untuk melengkapkan diri sebagai seorang ilmuwan yang sebenar.<sup>56</sup> Walaupun penulis hanya menyatakan secara ringkas mengenai pembahagian ini, ia dikira memadai dalam menjelaskan bahawa wujud satu lagi kategori pembahagian ilmu iaitu berasaskan sumber ilmu itu sendiri.

Mengenai hal ini, penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* semasa menghurai bait syair menyatakan<sup>57</sup> :

---

<sup>55</sup> Lihat, Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi'ī, *al-Risālah* (Beirut: Dār al-Nafā'is, 1999), 192-193; Mukhlas Nugraha, *Konsep Ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah*, 108.

<sup>56</sup> Untuk perbincangan awalan mengenai pembahagian ilmu Naqli dan Aqli ini khususnya pandangan Ibn Khaldūn, rujuk Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, "Wacana Integrasi Ilmu-Ilmu Naqli Dan Aqli Dalam Muqaddimah Ibn Khaldun", *Jurnal PERDANA* 1(1) (2018), 31-46.

<sup>57</sup> Lihat, f.15b-16a.



فكن مستفيدا كل يوم زيادة من العلم واستبح في بحور  
الفوائد

Ertinya: maka jadikan oleh mu akan diri mu akan yang menuntut faedah atas berkekalan dengan sekira-kira kuasa seperti bahawa engkau menuntut pada tiap-tiap hari akan faedah yang lebih ia atas faedah yang telah hasillah ia pada mu daripada ilmu memberi manfaat dan iaitu ilmu Syarak dan alat baginya. Dan berenanglah oleh mu pada segala laut faedah [Syarak] yang dibangsakan pada ilmu yang *naqliyyah* dan ilmu yang *'aqliyyah* yang dibangsakan dia kepada usaha dan yang dibangsakan dia kepada *wahbah* ertinya pemberian Allah Taala semata-mata tiada bercampur dengan usaha hamba sekali-kali. Bermula erti faedah itu dan iaitu barang yang digemari akan dia pada dituntuti bahagiannya.

Pembahagian ilmu yang terakhir dikemukakan oleh penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* ialah ilmu yang perlu dijauhi dan dielakkan. Kategori ilmu ini menurut para sarjana lain dikenali dengan pelbagai istilah, antaranya ilmu yang haram dipelajari, ilmu yang tercela, ilmu yang ditegah dan ilmu yang tidak memberi manfaat, malah membawa mudarat kepada agama dan kehidupan dunia. Antara ilmu dalam kategori ini ialah seperti ilmu sihir, ilmu nujum (melebihi kadar manfaatnya) dan juga ilmu perdebatan yang membawa pertelingkahan, bukannya mencari kebenaran.

Mengenai kategori ini, penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* menjelaskan<sup>58</sup>:

---

<sup>58</sup> Lihat, f.29a.

ويجتنب علم جدال فإنه يضيع العمر ويورث الوحشة  
والعداوة وارتفاع العلم.

Ertinya: Dan seyogianya bahawa menjauh oleh orang yang menuntut ilmu itu akan ilmu *Jidāl*. Maka bahawasanya mensia-sia ia akan umurnya dan mempusakai akan berbenci-bencian dan akan berseteru-seterunya dan lagi mempusakai akan hilang ilmu daripada yang mempunyai dia.

Berdasarkan perbincangan di atas, terdapat empat pembahagian utama ilmu menurut manuskrip Melayu *Tibyān al-Marām*. Pertama ilmu *ḥāl*, kedua ilmu yang dipelajari dengan kadar yang bersesuaian, ketiga ilmu *naqlī* dan *'aqlī*, dan akhirnya ialah ilmu yang perlu dielakkan daripada dipelajarinya. Keempat-empat pembahagian ini walaupun dinyatakan secara ringkas, namun ia merupakan pembahagian yang komprehensif dan memadai sebagai panduan awal kepada para pelajar dalam mengenali pembahagian ilmu. Ia mampu memberi panduan kepada pelajar untuk mengenali keutamaan ilmu dalam proses pendidikan. Pembahagian ini juga selaras dengan perbincangan para sarjana Islam tentang epistemologi ilmu, termasuklah Imam al-Shāfi'ī, al-Ghazālī, al-Zarnūjī dan sebagainya.

Namun begitu, agak tidak lengkap jika hanya dibincangkan pembahagian ilmu sahaja tanpa meneliti tentang pemilihan ilmu dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Hal ini disebabkan tujuan pendedahan tentang pembahagian ilmu ini adalah berkait rapat dengan isu pemilihan ilmu yang sering kali terdedah kepada kekeliruan dalam kalangan guru dan pelajar.<sup>59</sup> Oleh yang demikian, penulis manuskrip *Tibyān al-Marām*

<sup>59</sup> Wan Mohd Nor, *The Educational Philosophy*, 114-115; Wan Mohd Nor, *Peranan Universiti*, 90-92.

memperuntukkan satu bab khusus mengenai persoalan pemilihan ini. Beliau menamakan bab tersebut sebagai<sup>60</sup>:

“Fasal *al-ikhtiyārāt*: Inilah suatu fasal dan iaitu ketiga daripada segala fasal yang enam yang melengkap ia atas mukhtasar ini yang disimpulkan akan dia kerana perkataan pada menyatakan segala *ikhtiyār*; ertinya memilih”.

Dalam fasal ini, tiga aspek utama yang perlu diberi perhatian kepada para pelajar dan guru iaitu pemilihan ilmu, guru dan juga rakan. Dalam konteks perbincangan makalah ini, hanya pemilihan ilmu sahaja yang dianalisis.

Penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* menekankan bahawa para pelajar perlu bijak dalam memilih ilmu. Mereka juga perlu berbincang dengan para alim-ulama dan mereka yang berwibawa mengenai pemilihan ini, disebabkan mereka lebih arif dalam hal ehwal ilmu dan pendidikan. Hal ini merupakan langkah pertama yang perlu diberi perhatian oleh para pelajar untuk menjamin ilmu tersebut sesuai dengan keperluan dan kesediaan mereka. Mengenai hal ini, penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* menegaskan<sup>61</sup>:

وينبغي أن يشاور من يخشى الله تعالى في اختيار  
الأستاذ والنوع من العلوم والكتاب، في كل فن يريد.

Ertinya: Dan seyogianya, ertinya dan sunat bahawa musyawarah ia akan orang yang takut akan Allah Taala pada memilihnya akan gurunya dan pada memilih ia akan suatu sebagai daripada segala ilmu yang berbagai-bagai dan pada memilihnya segala kitab”, kerana segala kitab bagi suatu baik ilmu itu tiada menerima hingga ia, padahal tiada beroleh penunjuk oleh orang yang menuntut ilmu kepada barang yang

<sup>60</sup> Lihat, f. 27b.

<sup>61</sup> Lihat, f.29a-29b.

ia terlebih munasabah ia dengan halnya daripadanya melainkan dengan orang yang *rashīd*. "pada tiap-tiap bagai ilmu". [Syarah] Setengah daripada segala bagai ilmu yang manfaatnya ia akan belajarnya fiqh ada ia, atau nahu, atau hadis hingga yang lain daripada yang demikian itu.

Seterusnya manuskrip *Tibyān al-Marām* sebagaimana pendapat al-Zarnūjī juga menjelaskan ilmu yang paling utama dipilih dan dipelajari ialah ilmu yang paling asas, jelas dan paling berfaedah, khususnya ilmu-ilmu utama agama seperti ilmu Tauhid.<sup>62</sup> Beliau juga menekankan bahawa dengan pemilihan ilmu yang tepat ini menjamin para pelajar mendapat manfaat yang sebenar dalam pendidikan dan menjadikan usahanya berbaloi dengan hasil yang diperolehi. Mengenai hal ini, penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* menjelaskan<sup>63</sup>:

فينبغي أن يختار من كل علم حسنه كعلم التوحيد قدما

Maka seyogialah bagi orang yang menuntut ilmu itu bahawa memilih ia daripada tiap-tiap ilmu daripada segala ilmu yang luas ia lagi yang memberi manfaat ia yang ia menghabiskan akan umurnya kerana berlaut-laut pada tiap-tiap suatu daripadanya. [Syarah] Dan tiadalah seyogialah bagi orang yang mengakal bahawa memaling ia kepada setengahnya dan bahawa benci ia akan yang lain daripadanya akan yang terlebih baik daripadanya, seperti ilmu Tauhid yang qadim. Bermula dikehendak dengan dia itu ilmu Usuluddin, tetapi ia terlebih dicita-cita daripada segala ilmu atas *iftlāq* seperti ia terlebih afdal daripadanya dengan *muwāfaqah*.

<sup>62</sup> Al-Zarnūjī, *Ta'lim al-Muta'allim*, 98-99; Wan Suhaimi, *Falsafah Pengajaran dan Pembelajaran*, 177.

<sup>63</sup> Lihat, f.27b-28b.

Bermula tauhid pada *lughah* itu diketahui dengan keesaan suatu dan dihukumkan dengan dia. Dan pada istilah itu diketahui dan hukumkan dengan bahawasanya Allah Taala itu esa pada zat-Nya dan pada segala sifatnya dan pada segala perbuatan-Nya. Dan hanya sanya adalah ilmu ini terlebih cita dan terlebih afdal daripada sekalian ilmu kerana terhenti asal iman atau terhenti sempurnanya atasnya. Bermula yang demikian itu kerana melengkapinya atas makrifat Allah yang ia pertama-tama daripada segala yang difardukan akan dia. Dan lagi ia tempat diperusahakan sekalian yang wajib yang tinggal daripadanya. Maka kira-kira yang terhenti atasnya iman bagi mukalaf daripada ilmu ini, itu iaitu wajib didahulukan dia dan yang lain daripadanya itu daripada barang yang terhenti kesempurnaan iman atasnya, maka didahulukan dia itu terlebih cita-cita.

Menarik untuk diketengahkan di sini, penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* menyebut bahawa ilmu Tauhid yang sepatutnya dipelajari adalah ilmu yang qadim sifatnya. Iaitu ilmu Akidah atau Usuluddin yang telah diiktiraf dan disepakati oleh para sarjana Islam sepanjang zaman. Berbanding dengan al-Zarnūjī dalam karyanya, beliau menambahkan satu istilah lagi iaitu ilmu yang *al-'atīq*, iaitu merujuk kepada ilmu yang telah pasti dan mencapai tahap kesempurnaannya.<sup>64</sup> Untuk menjelaskan lagi hal ini, manuskrip *Tibyān al-Marām* menyebut secara khusus bahawa yang dimaksudkan dengan istilah 'qadim' itu ialah ilmu Tauhid yang dipegang oleh para Sahabat Nabi SAW, iaitu aliran perdana umat Islam yang dikenali sebagai *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*.

---

<sup>64</sup> Wan Suhaimi, *Falsafah Pengajaran dan Pembelajaran*, 177.

Pegangan inilah yang menjadi asas fahaman umat Islam Alam Melayu, bukan hanya ditegaskan dalam manuskrip Melayu *Tibyān al-Marām* ini sahaja malah banyak karya yang lain.<sup>65</sup> Penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* menyebut<sup>66</sup>:

Bermula dikehendak dengan yang qadim itu ilmu Tauhid yang ada pada masa segala Sahabat *raḍīya Allah 'anhum*. Bermula mereka itu setengah daripada *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*;

دون المحدثات من غير مبالغة وتعميق.

Segala yang dibaharukan dia, ertinya segala yang lain daripada ilmu Tauhid yang membaharu akan dia oleh segala ulama Usuluddin dan memberi tahu ia dengan ini kepada ilmu usul yang ada ikhtilaf padanya, maka tiadalah masuk orang yang menuntut padanya, tetapi memadai dengan barang yang ada segala ulama yang dahulu itu atasnya iaitu daripada diputuskan iktikad dengan segala akaid yang mendatang oleh Syarak dengan dia hal keadaan ia dengan tiada mendalamkan dan mensangatkan padanya.

### Rumusan

Berdasarkan perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa manuskrip Melayu bukan sahaja membincangkan isu asas agama, malah juga merangkumi perihal ilmu dan pendidikan. Manuskrip *Tibyān al-Marām* yang diketengahkan di sini amat menarik dan istimewa. Ia bukan sahaja belum lagi dikaji oleh mana-mana pengkaji,

---

<sup>65</sup> Lihat umpama, Che'Razi Jusoh, *The Malay Exposition of al-Sanūsī's Umm al-Barāhīn*, (Kuala Lumpur: ISSI, 2016); Wan Suhaimi, *Beberapa Aspek Epistemologi al-Shaykh Zayn al-'Abidin*.

<sup>66</sup> Lihat, f.28a.

malah kandungannya amat relevan untuk dianalisis dan dimanfaatkan pada zaman kini.

Dua aspek utama yang dianalisis dalam makalah ini membuktikan ia merupakan karya yang komprehensif dan berwibawa. Mengenai konsep asas ilmu, manuskrip *Tibyān al-Marām* menjelaskan melalui dua kata kunci utama iaitu ilmu dan *fiqh*. Pentakrifan yang dikemukakan ini selaras dengan tradisi epistemologi dan pemikiran para sarjana Islam, khususnya Imam Abū Ḥanīfah (m.150H), al-Nasafī (m.507H) dan juga al-Taftāzānī (m.793H). Penjelasan mengenai konsep ilmu ini juga mempunyai pengaruhnya yang tersendiri. Sarjana Melayu kurun ke-19M seperti Tuan Minal melanjutkan lagi perbincangan konsep ilmu ini dalam karya beliau, manakala Syeikh Wan 'Ali Kutan juga menukikan sebahagiannya dalam karya beliau yang bertajuk *al-Jawhar al-Mawhūb*.

Selain itu, konsep ilmu yang diketengahkan dalam manuskrip *Tibyān al-Marām* ini berupaya menjelaskan perbincangan mengenai hakikat ilmu dan ia menatijahkan usaha yang tepat dalam pendidikan dan mempengaruhi struktur kurikulum pendidikan Islam Alam Melayu khususnya melalui perbincangan pembahagian ilmu dan juga pemilihannya. Dengan memahami konsep dan hakikat sebenar ilmu serta pembahagiannya sebagaimana yang dikemukakan dalam manuskrip *Tibyān al-Marām* ini, diharapkan ia mampu memberi panduan yang tepat kepada para guru dan pelajar. Dapatan makalah ini juga amat bermakna dalam merencana usaha transformasi pendidikan serta usaha-usaha integrasi ilmu khususnya pada peringkat pengajian tinggi.

### **Penghargaan**

Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan penulis di bawah peruntukan Geran Penyelidikan USIM 2018 (PPPI/FPQS/0118/051000/14818). Penulis merakamkan ribuan terima kasih kepada rakan penyelidik khususnya

Prof Dr Muhammad Mustaqim Mohd Zarif yang juga membekalkan beberapa maklumat kodikologi manuskrip.

### Rujukan

- Abū Ḥanifah. "Waṣiyyah". Dalam *al-ʿĀlim wa al-Muta'allim*, ed. Muḥammad Zāhid al-Kawtharī. Mesir: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 2001.
- ʿAli bin ʿAbd al-Rahman al-Kelantani. *Al-Jawhar al-Mawhūb wa Munabbihāt al-Qulūb*. Pulau Pinang: al-Mu'arif, t.t.
- Al-Baghdādī, Ismā'īl Bāshā. *Hadiyyah al-ʿĀrifīn: Asmā' al-Mu'allafīn wa Āthār al-Muṣannaḥīn*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-ʿArabī, 1955.
- Biddle, Michaëlle. "New Strategies in Using Watermarks to Date Sub-Saharan Islamic Manuscripts". Dalam *The Arts and Crafts of Literacy: Islamic Manuscript Cultures in Sub-Saharan*, ed. Andrea Brigaglia & Mauro Nobili. Berlin: de Gruyter, 2017.
- Che' Razi Jusoh. *The Malay Exposition of al-Samūsī's Umm al-Barāhīn*. Kuala Lumpur: ISSI, 2016.
- Deroche, Francois et.al. *Islamic Codicology: An Introduction to the Study of Manuscripts in Arabic Script*. London: Al-Furqan Islamic Heritage Foundation, 2006.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: DBP, 2010.
- Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥamad. *Iḥyā' ʿUlūm al-Dīn*. Kaherah: Dār Fajr li al-Turath, 1999.
- Gori, Alessandro et. al. *Handlist of the Manuscripts in the Institute of Ethiopian Studies Volume Two: The Arabic Materials of the Ethiopian Islamic Tradition*. Oregon: Pickwick Publications, 2014.
- Harun Mat Piah et.al. *Traditional Malay Literature*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- Hasan Langgulung. *Menghadapi Abad ke-21*. Bangi: UKM, 1993.



- Ibn Manzūr, Muḥammad bin Makram. *Lisān al-'Arab*. Kaheerah: Dar Hadith, 2003.
- M. Mustaqim Mohd Zarif & Mohd Anuar Mamat, "Bab al-Adab (MSS2906A): Analisis dan Transliterasi Beranotasi Sebuah Nazam Mengenai Adab Belajar", *Jurnal Filologi Melayu* 25 (2014): 132-152.
- Mohd Anuar Mamat & M. Mustaqim Mohd Zarif, "Keperluan Zikir dalam Pembelajaran Menurut Manuskrip Melayu: Kajian terhadap MSS2908(B) *Tibyān al-Marām*", *Jurnal Al-Tamaddun* 14(1) (2019): 37-51.
- Mohd Anuar Mamat, "Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal di Perpustakaan Negara Malaysia", *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 15 (2017): 66-88.
- Mohd Anuar Mamat. *Pemikiran Pendidikan Imam Abū Hanīfah: al-'Ālim wa al-Muta'allim*. Kuala Lumpur: CASIS-HAKIM, 2016.
- Mohd Zaidi Ismail & Wan Suhaimi Wan Abdullah (ed). *Adab dan Peradaban: Karya Pengi'tirafan untuk Syed Muhammad Naquib al-Attas*. Selangor: MPH Group Publishing Sdn Bhd, 2012.
- Mohd Zaidi Ismail, "Faham Ilmu Dalam Islam: Pengamatan Terhadap Tiga Takrifan Utama Ilmu", *Jurnal AFKAR* 10 (2009): 39-60.
- Mukhlis Nugraha, "Konsep Ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah dan Kepentingan Amalannya Dalam Kurikulum Pendidikan Islam", *Jurnal TAFHIM* 10 (2017): 109-114.
- Al-Nasafī, Maymūn bin Muḥammad. *Baḥr al-Kalām*, taḥqīq Muḥammad Ṣālih al-Farfūr. Damshiq: Dār al-Farfūr, 2000.
- Osman Bakar. *Classification of Knowledge in Islam: A Study in Islamic Philosophies of Science*. Kuala Lumpur: Institute for Policy Research, 1992.

- Perpustakaan Negara Malaysia. *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Tambahan Ketiga*. Kuala Lumpur: PNM, 2003.
- Al-Qaḍī ‘Abd al-Nabī bin ‘Abd al-Rasūl al-Aḥmad Nigari. *Jāmi’ al-‘Ulūm*, taḥqiq ‘Alī al-Dahruj. Beirut: Librairie du Liban, 1997.
- Al-Qannawjī, Siddīq bin Ḥasan. *Abjad al-Ulūm*, taḥqiq ‘Abd al-Jabbār, 3 jilid. Damshiq: Manshurāt Wizarat al-Thaqafah wa al-Irshad al-Qawmī, 1978.
- Rosenthal, Franz. *Knowledge Triumphant: The Concept of Knowledge in Medieval Islam*. Leiden: E. J. Brill, 1970.
- Rosnani Hashim. *Reclaiming the Conversation: Islamic Intellectual Tradition in the Malay Archipelago*. Kuala Lumpur: The Other Press, 2010.
- Rosnani Hashim. *Toward an Islamic Curriculum: Principles and Issues*. Gombak: UIA, 2019.
- Al-Shāfi‘ī, Muḥammad bin Idrīs. *Al-Risālah*. Beirut: Dār al-Nafā‘is, 1999.
- Siti Hawa Salleh. *Malay Literature of the 19th Century*, terj. Quest Service. Kuala Lumpur, ITNM, 2010.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. *Risalah untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: ISTAC, 2001.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of the ‘Aqā’id of al-Nasafi*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1988.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2007.
- Al-Taftāzānī, Sa‘ad al-Dīn Mas‘ūd bin ‘Umar. *Sharh al-‘Aqā’id al-Nasafiyyah*. Mesir: Matba‘at Kurdistan al-‘Ilmiyyah, 1329H.
- Tahānawī, Muḥammad ‘Alī. *Kashshāf Iṣṭilāḥāt al-Fumūn wa al-‘Ulūm*, taḥqiq ‘Alī al-Dahruj, 2 jilid. Beirut: Librairie du Liban, 1996.

- Tash Kubrā Zādeh, Aḥmad bin Muṣṭafā. *Miftāḥ al-Sa'ādah wa Miṣbāḥ al-Siyādah fī Mawdu'āt al-'Ulūm*, 3 jilid. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.
- Wan Ali Wan Mamat. *Pemuliharaan Buku dan Manuskrip*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.
- Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, "Wacana Integrasi Ilmu-Ilmu Naqli Dan Aqli Dalam Muqaddimah Ibn Khaldun", *Jurnal PERDANA* 1(1) (2018): 31-46.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. *Budaya Ilmu: Makna dan Manifestasi dalam Sejarah dan Masa Kini*. Kuala Lumpur: CASIS, 2019.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. *Konsep Ilmu dalam Islam*, terj. Rosnani Hashim. Kuala Lumpur: DBP, 1994.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. *Peranan Universiti: Pengislaman Ilmu Semasa, Penaqfibaratan dan Penaqfijajahan*. Kuala Lumpur: CASIS, 2017.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An Exposition of The Original Concept of Islamization*. Kuala Lumpur: ISTAC, 1998.
- Wan Suhaimi Wan Abdullah, "Beberapa Aspek Epistemologi al-Shaykh Zayn al-'Abidin B. Muhammad al-Fatani: Suatu Penelitian Awal Terhadap Karyanya *Aqīdah al-Nājin fī 'Ilm Uṣūl al-Dīn*", *Jurnal AFKAR* 2(1) (2001): 107-122.
- Wan Suhaimi Wan Abdullah, "Falsafah Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Islam: Suatu Analisis Karya al-Zarnujī", *Jurnal AFKAR* 3(1) (2002): 165-186.
- Wan Suhaimi Wan Abdullah. *Khulasah Faham Ilmu: Kitab al-'Ilm Imam al-Ghazali*. Kuala Lumpur: Pertubuhan Pendidikan Futuwwah, 2019.
- Al-Zarnujī, Burhān al-Dīn. *Ta'lim al-Muta'allim Tarīq al-Ta'allum*, tahqiq Mustafa 'Ashur. Kaherah: Bulaq, 1986.

- Zayn al-'Ābidīn al-Faṭānī. *'Aqīdah al-Nājin*. Thailand:  
Matba'ah Bin Halabi, t.t.
- Al-Zirkilī, Khayr al-Dīn. *Al-A'lām*, cet. ke-14. Beirut: Dār  
al-'Ilm li al-Malāyīn, 1999.
- Zurakintan Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh,  
"Pemikiran Melayu tentang Ilmu dan Adab dalam Puisi  
Melayu Tradisional," *Jurnal Antarabangsa Alam dan  
Tamadun Melayu (Iman)* 3(2) (2015): 121-129.